

10 JUL 2004

UMNO: MUKHRIZ TEWAS PEMILIHAN KETUA PEMUDA KUBANG PASU

JITRA, 10 Julai (Bernama) -- Datuk Mukhriz Mahathir tewas dengan sembilan undi pada pemilihan jawatan Ketua Pemuda Umno Kubang Pasu yang berlangsung di Dewan Lye Huat, Napoh, dekat sini semalam.

Mukriz memperolehi 132 undi manakala pencabarnya Zulkifli @ Md Ros

Ahmad mendapat 141 undi. Undi rosak lapan.

Pengumuman keputusan berkenaan dibuat Pengerusi Tetap Pemuda Kubang

Pasu Rosli Omar kira-kira 12.50 tengah malam tadi.

Mukriz yang ditemui pemberita kemudiannya berkata beliau menerima keputusan berkenaan.

"Walaupun tidak menjadi Ketua Pemuda Bahagian saya tetap akan mencurahkan berkhidmat kepada para penduduk Kubang Pasu," katanya.

-- BERNAMA

MZM ROS